

22/09/1998

Fauzi perjelas lawat rumah Anwar

KUALA LUMPUR, Isnin - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, menjelaskan kunjungannya ke rumah Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini kerana bersimpati ke atas nasib yang menimpa rakannya itu dan ahli keluarga.

"Saya datang hari ini atas dasar kawan. Adakah ia boleh mengakibatkan sesuatu. Adakah kerana melawat seorang kawan yang dalam kesusahan, melanggar undang-undang," katanya kepada pemberita selepas melawat rumah Anwar di Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara di sini, hari ini.

Menurut Fauzi, sebagai `orang kecil', beliau menasihatkan semua pihak bersabar dan tidak melakukan perkara yang tidak diingini.

Ditanya adakah beliau tidak berasa takut kerana berkunjung ke rumah Anwar dan disalah anggap, Fauzi berkata sebagai seorang timbalan menteri, beliau taat setia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya adalah timbalan menteri di JPM. Taat setia saya adalah kepada Perdana Menteri. Namun ia tidak memudaratkan rasa simpati saya terhadap rakan ketika mereka berada dalam kesusahan," katanya.

(END)